

HASHIM MUSA • ROHAIDAH KAMARUDDIN

HANG TUAH

catatan
OKINAWA

9

nawa

...Laksamana (Lo-hsi-ma-na) sendiri bagi pihak Sultan Alauddin Riayat Shah pernah menulis surat kepada 'Your Majesty the King of the Country of Ryukyu' bertarikh 11 April 1480, dan sepucuk lagi pada 17 Mac 1481. Surat ini adalah antara bukti kukuh bahawa Kerajaan Ryukyu (Okinawa) menjalin hubungan dagangan dan diplomatik dengan Kerajaan Melaka dan kerajaan lain di Asia Tenggara pada abad ke-15 dan ke-16. Sumber primer ini mengesahkan kewujudan Laksamana Hang Tuah dalam sejarah. Pembuktian ini dihuraikan secara terperinci oleh pengarang melalui penyelidikan mereka dan dibukukan oleh Penerbit UPM.

Sesungguhnya, penyelidikan oleh Profesor Emeritus Dr. Hashim Musa dan Dr. Rohaidah Kamaruddin ini adalah satu usaha yang sangat bernilai dan wajar diiktiraf kerana dapatan kajian tersebut telah menjadi khazanah penting negara. Terbitnya buku Hang Tuah: Catatan Okinawa ini akan memahatkan terus nama Hang Tuah dalam penulisan sejarah Malaysia dan menjadi rujukan generasi akan datang.

Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid
Pengerusi
Yayasan Karyawan Malaysia

...Laksamana (Lo-hsi-ma-na) sendiri bagi pihak Sultan Alauddin Riayat Shah pernah menulis surat kepada 'Your Majesty the King of the Country of Ryukyu' bertarikh 11 April 1480, dan sepucuk lagi pada 17 Mac 1481. Surat ini adalah antara bukti kukuh bahawa Kerajaan Ryukyu (Okinawa) menjalin hubungan dagangan dan diplomatik dengan Kerajaan Melaka dan kerajaan lain di Asia Tenggara pada abad ke-15 dan ke-16. Sumber primer ini mengesahkan kewujudan Laksamana Hang Tuah dalam sejarah. Pembuktian ini dihuraikan secara terperinci oleh pengarang melalui penyelidikan mereka dan dibukukan oleh Penerbit UPM.

Sesungguhnya, penyelidikan oleh Profesor Emeritus Dr. Hashim Musa dan Dr. Rohaidah Kamaruddin ini adalah satu usaha yang sangat bernilai dan wajar diiktiraf kerana dapatan kajian tersebut telah menjadi khazanah penting negara. Terbitnya buku Hang Tuah: Catatan Okinawa ini akan memahatkan terus nama Hang Tuah dalam penulisan sejarah Malaysia dan menjadi rujukan generasi akan datang.

Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid
Pengerusi
Yayasan Karyawan Malaysia

HANG TUAH

catat
NAWA


Buat aghanda Tun,

Semoga dirahmati ALLAH.

روايت. كمالتي / ٢١



PETA PERJALANAN HANG TUAH



Muhammad Haji Salleh (terj.). 2010. *The Epic of Hang Tuah*. Kuala Lumpur: ITBM

HANG TUAJH

HASHIM MUS

QAMA U DIN



Penerbit Universiti Putra Malaysia
Serdang • 2015

PUSTAKA PERDANA



1012134



© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2015

Ulang Cetak 2015, 2017, 2018

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Ahli 9802 dan anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hashim Musa

HANG TUAH Catatan Okinawa

Hashim Musa, Rohaidah Kamaruddin.

Includes index

Bibliography: page 91

ISBN 978-967-344-477-9

1. Hang Tuah, active 1470--Legends. 2. Malay literature--History and criticism.

I. Rohaidah Kamaruddin. II. Judul.

899.2309

Reka Kulit & Letak Teks

Jamak Aton Habi Mahmood

Md Fairus Ahmad

Rupa Taip: Helvetica Neue Regular

Saiz Taip: 10/14

Dicetak oleh

Visual Print Sdn. Bhd.

No.47, 47-1, Jalan Damai Raya 1, Alam Damai

56000 Cheras, Kuala Lumpur

Pesanan boleh dibuat terus kepada

Penerbit Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-8946 8851/8946 8854

Faks: 603-8941 6172

Emel: penerbit@upm.edu.my

Website: www.penerbit.upm.edu.my

899 2309



KANDUNGAN

Kata Pengantar		vii
Mukadimah		ix
BAB 1	Pendahuluan: Watak Hang Tuah dalam Masyarakat Melayu	1
BAB 2	Bukti Catatan Dokumen Kewujudan Tokoh Utama Barat dan Timur dalam Sejarah	7
BAB 3	Pembuktian Kewujudan Hang Tuah dan Kerajaan Melaka dalam Sejarah: Sumber daripada Alam Melayu	21
BAB 4	Dokumen Primer Sumber Asing Tentang Kewujudan Hang Tuah dan Negeri Melaka	45
BAB 5	Kesimpulan	87
Rujukan		91
Lampiran I	Terjemahan Bahasa Melayu Sebahagian daripada Buku Atsushi Kobata & Mitsugu Matsuda. 1969. <i>Ryukyuan Relations with Korea and The South Sea Countries: An Annotated Translation of Documents in the Rekidai Hoan.</i>	95
Lampiran II	Salinan Surat-surat dalam Bahasa Cina daripada Kerajaan Ryukyu kepada Kerajaan Melaka dan daripada Kerajaan Melaka kepada Kerajaan Ryukyu dalam Dokumen Rasmi <i>Rekidai Hoan</i> Kerajaan Ryukyu	131
Lampiran III	Terjemahan Bahasa Melayu Sebahagian (Halaman 89-91) daripada Buku Alfonso Dalboquerque (Terj.) Walter De Gray Birch. 1880/2010. <i>The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque</i> Volume III.	161
Lampiran IV	Salinan Halaman 89 – 91 daripada Buku Alfonso Dalboquerque (Terj.) Walter De Gray Birch. 1880/2010. <i>The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque</i> Volume III.	183
Indeks		203



KATA PENGANTAR

Saya pernah membuat kajian tentang perwatakan Hang Tuah di dalam *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu*. Tesis saya *Hikayat Hang Tuah* itu merupakan sejarah orang Melayu dalam bentuk kiasan/ibarat. Dalam sesuatu kiasan, watak seperti Hang Tuah dan Hang Jebat dan objek termasuk keris Taming Sari melambangkan kualiti yang abstrak. Adegan dan peristiwa yang simbolik dan ajaib di dalam *Hikayat Hang Tuah* jelas menerangkan watak Hang Tuah sebagai seorang tokoh perlambangan.

Dalam *Sejarah Melayu*, Hang Tuah digambarkan sebagai seorang tokoh sejarah. Beliau tidak mempunyai kuasa luar biasa. Sifat Hang Tuah, seperti yang digambarkan merupakan sifat orang kebiasaan dalam masyarakat. Walau bagaimanapun sifat tersebut tidak menghalang seseorang daripada mencapai kedudukan yang lebih tinggi dalam kepimpinan negeri. Apa yang perlu ialah sifat taat setia dan berani.

Kebelakangan ini kewujudan Hang Tuah telah dipersoalkan. Ada pakar sejarah yang menganggap “beliau” hanya satu watak dongeng, kerana kononnya, tidak ada sumber sejarah yang sahih yang dapat membuktikan kewujudan beliau.

Demi mengesahkan kewujudan Hang Tuah dalam sejarah, maka buku ini menghuraikan beberapa sumber primer dalam bentuk catatan dan juga artifak yang sezaman dengan Hang Tuah. Sumber yang paling nyata yang telah dibincangkan dalam buku ini ialah catatan rasmi kerajaan Ryukyu (sekarang Okinawa) yang telah menjalin perhubungan perdagangan dan diplomasi dengan kerajaan Melaka dan kerajaan lain di Asia Tenggara pada abad ke-15 dan 16. Catatan itu telah merujuk beberapa pucuk surat daripada Kerajaan Melaka, antaranya surat yang ditulis oleh Laksamana (Lo-hsi-mana) sendiri bagi pihak Sultan Alauddin Riayat Shah: sepucuk surat kepada ‘Your Majesty the King of the Country of Ryukyu’ bertarikh 11 April 1480, dan sepucuk surat lagi bertarikh 17 Mac 1481. Tarikh tersebut bertepatan dengan zaman Hang Tuah yang berkhidmat dengan Sultan Melaka pada masa itu. Kandungan kedua-dua pucuk surat ini didapati di dalam buku karya pengkaji Jepun, Atsushi Kobata dan Mitsugu Matsuda dalam penerbitan tahun 1969 bertajuk *Ryukyuan Relations with Korea and*

South Sea Countries. Satu lagi bukti daripada Ryukyu yang bertaraf primer ialah penemuan sebilah keris yang mempunyai sembilan lok di lokasi sebuah kuil tinggalan kerajaan Ryukyu pada abad ke-15. Keri yang berlok sembilan, mengikut pakar pengkaji keris, merupakan jenis keris yang digunakan sebagai keris rasmi bukan untuk bertarung, yang selalunya juga dijadikan sebagai bahan hadiah dalam bingkisan rasmi kerajaan Melayu kepada raja-raja negara lain. Bingkisan rasmi sebagai hadiah daripada kerajaan Melaka kepada Raja Ryukyu juga tercatat dalam surat rasmi itu.

Satu lagi bukti yang bertaraf sumber primer ialah *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque* yang mencatat peristiwa antara tahun 1509 hingga 1511. Sumber tersebut telah menyebut mengenai Laksamana yang pernah menjadi panglima tentera laut kerajaan Melaka, yang pada tahun 1511 apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis, masih hidup berumur 80 tahun, dan bermukim di Singapura atas sebab-sebab tertentu. Laksamana itu ialah seorang pahlawan yang gagah berani, mempunyai reputasi yang mulia dan ilmu yang tinggi. Tentu sekali Laksamana yang dimaksudkan itu ialah Laksamana Hang Tuah, bukannya Laksamana Khoja Hasan yang masih muda yang berkhidmat pada zaman Sultan Mahmud Shah.

Rakyat Malaysia wajarlah mengiktiraf sumbangan Profesor Emeritus Dr. Hashim Musa dan Dr. Rohaidah Kamaruddin daripada Universiti Putra Malaysia yang membolehkan nama Hang Tuah terus tercatat dalam penulisan sejarah Malaysia. Juga kepada Penerbit UPM yang berjaya menghasilkan penerbitan yang berkualiti dan bernilai tinggi.

Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid

Pengerusi

Yayasan Karyawan Malaysia

12 Ogos 2015

27 Syawal 1436

MUKADIMAH

Buku ini membincangkan watak Hang Tuah dari segi persoalan sama ada watak ini wujud dalam sejarah ataupun hanya sebagai satu watak dongeng hasil kreatif sasterawan Melayu tradisional demi melambangkan keagungan kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15M. Perbahasan dibuat tentang cara untuk membuktikan kewujudan sesuatu watak dalam sejarah, dan seterusnya membuktikan bahawa watak Hang Tuah sememangnya wujud dalam sejarah. Penceritaan tentang Hang Tuah dalam karya sastera *Hikayat Hang Tuah* iaitu sebuah naratif epik keagungan orang Melayu, masyarakat dan bangsanya, yang menjadi tunjang tentang kehebatan seorang laksamana laut berdarah Bugis kepada seluruh masyarakat Melayu di serata dunia. Karya ini yang tertulis dalam bentuk prosa adalah antara karya Melayu klasik yang terpanjang (146,000 perkataan, 491 halaman versi transliterasi huruf rumi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka), yang telah diterima oleh UNESCO's Memory of the World Programme International Register pada tahun 2001.

Permasalahan yang timbul ialah *Hikayat Hang Tuah* ditulis setelah 200 tahun kejatuhan Empayar Melaka. Bagi membuktikan kewujudan Laksamana Hang Tuah satu kajian akademik perlu dijalankan bagi mensahkan bukti primer yang ada dalam simpanan luar negara kewujudan Hang Tuah melalui dapatan daripada sumber luar negara. Penulis telah ke Okinawa, Jepun untuk menjalankan kajian serta mendapat bukti sejarah yang tercatat dalam sebuah manuskrip Jepun yang dipanggil *Rekidai Hoan* dan lebih menarik lagi terdapat sebilah keris berukuran 22.1 cm dari ulu hingga ke hujung ditemui tanpa pemegang dan sarung, kerana bahagian-bahagian yang diperbuat daripada kayu rosak. Keris ini disimpan dengan baik di Pusat Arkeologi Okinawa, Jepun.

Watak Hang Tuah merupakan seorang adiwira bangsa Melayu (Malay national hero) yang sudah sekian lama terpahat dalam hati budi orang Melayu yang melambangkan keperwiraan, keberanian, ketabahan, kesetiaan, kebaktian, dan kebijaksanaannya dalam memberikan sumbang bakti kepada raja dan bangsanya.

Berpandukan dapatan yang ada, penulis terus mengkaji dapatan lain daripada sumber negara luar termasuk berhubung dengan beberapa pakar arkeologi dari beberapa universiti luar negara antaranya Turki, India, Singapura, Thailand dan Jepun untuk membantu dalam penyelidikan ini. Penulis yakin masih terdapat manuskrip dari luar yang belum pernah didedahkan kepada para akademik dan masyarakat umumnya. Penulis berhasrat menulis lagi beberapa siri catatan Hang Tuah yang terdapat di luar negara.

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Penerbit UPM yang telah bersama-sama bertungkus lumus tanpa jemu untuk menerbitkan buku *Hang Tuah: Catatan Okinawa* dan semoga kerjasama ini akan terus terjalin bagi menerbitkan lagi beberapa siri pelayaran Hang Tuah yang tercatat di luar negara.

Semasa penyediaan buku ini, kami telah menerima bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Ahmad Sarji yang telah menarik perhatian kami untuk menyelidik bahan daripada Ryukyu, Jepun khususnya tentang keberadaan Hang Tuah di Ryukyu dalam rangka hubungan diplomatik dan perdagangan dengan kerajaan Ryukyu. Kami juga berterima kasih dengan Puan Naomi Nomura dari Jabatan Pendidikan Jepun Okinawa, Encik Nakazahi dari Maizon Bunka Senta, Okinawa dan Perpustakaan Awam Okinawa yang telah membekalkan kami beberapa bahan daripada Ryukyu Jepun bagi tujuan kajian ini.

Hashim Musa @ Rohaidah Kamaruddin

Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia




I

WATAK HANG TUAH DALAM MASYARAKAT MELAYU

...Hang Tuah menghuni dan menyerlah dalam dunia yang lebih besar dan orang Melayu memakai bukan sahaja wajah terhormat tetapi juga pintar, berkebolehan, menguasai persoalan di mana pun dia berada, berilmu - mengenali budaya dan bangsa yang dikunjunginya secara akrab.

(Muhammad Haji Salleh, 2003: 4)



Watak Hang Tuah tercatat dan terhurai dengan megahnya dalam karya sastera Melayu klasik *Hikayat Hang Tuah*, iaitu sebuah naratif epik keagungan orang Melayu, masyarakat dan bangsanya, yang boleh diambil sebagai iktibar kepada seluruh masyarakat Melayu di mana jua dan pada sepanjang zaman. Karya ini yang tertulis dalam bentuk prosa adalah antara karya Melayu klasik yang terpanjang (146,000 perkataan, 491 halaman versi transliterasi huruf rumi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka), yang telah diterima oleh UNESCO's Memory of the World Programme International Register pada 2001.

Sememangnya karya ini tiada disebut pengarangnya demi melambangkannya sebagai sebuah naratif bangsa Melayu yang dimiliki bersama oleh seluruh masyarakat Melayu sepanjang zaman. Seperti kata Allahyarham Syed Nasir Ismail, seorang tokoh besar dalam masyarakat Melayu, iaitu mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan antara pejuang bahasa dan bangsa Melayu yang tersohor:

Kisah-kisah mereka (Hang Tuah dan empat sahabatnya) berulang-ulang kali disebut dan diceritakan dari dahulu hinggalah sekarang, dari yang berbentuk cerita-cerita lisan, wayang-wayang bangsawan, hingga kepada sandiwara dan filem. Bangsa Melayu tidak pernah jemu-jemu dengan kisah kepahlawanan mereka ini... Semenjak beratus-ratus tahun sudah menjadi kisah yang melambangkan kepahlawanan Melayu. Pahlawan-pahlawan tersebut merupakan sumber kepada bangsa Melayu dalam bercita-cita dan berusaha bangun dan maju kembali pada zaman-zaman kemudiannya. (*Hikayat Hang Tuah* (HHT) (1966), Sepatah Kata. Hal. v).

Bagi orang Melayu, Hang Tuah merupakan manusia yang hidup yang menjadi kebanggaan seluruh bangsa Melayu dari segi keperwiraan, keberanian, kecekalan, kesetiaan, kebaktian, dan kebijaksanaannya menghadapi sebarang ancaman dan cabaran terhadap dirinya, rajanya dan bangsanya. Watak Hang Tuah merupakan contoh mithali dan ikonik bagi seluruh bangsa Melayu untuk dicontohi demi membela bangsa dan negaranya.

Sifat beliau yang terunggul ialah kesetiaan dan kebaktiannya yang tulus ikhlas kepada rajanya yang melambangkan ketua dan pemimpinnya dan juga kepada tanah air dan bangsa Melayunya. Hang Tuah sanggup berkorban segala-galanya hatta nyawanya sendiri untuk memberikan sumbang bakti kepada ketua dan rajanya dan juga dalam mempertahankan maruah bangsanya. Menidakkan kewujudan watak Hang Tuah seolah-olah melenyapkan sebuah memori yang agung, yang sudah sekian lama terpahat dalam hati budi orang Melayu.

Muhammad Haji Salleh dalam menyatakan kecemerlangan sifat Hang Tuah, telah menegaskan:

Beliau (Hang Tuah) ialah -manusia setiawan, peka, tidak mementingkan diri, sedia berkorban, sopan dan suka berkongsi kejayaan, tiada bandingnya pada zaman itu, dan tidak banyak karya sastera lain yang menyimpan manusia sebaiknya. Inilah bayangan manusia besar dalam dunia besar kurun 14 atau 15. Bersamanya pengarang mengirinkan hasrat bangsa Melayu bahawa Hang Tuah menghuni dan menyerlah dalam dunia yang lebih besar dan orang Melayu memakai bukan sahaja wajah terhormat tetapi juga pintar, berkebolehan, menguasai persoalan di mana pun dia berada, berilmu - mengenali budaya dan bangsa yang dikunjungnya secara akrab. (Muhammad Haji Salleh, 2003: 4)

Muhammad Haji Salleh seterusnya dalam *The Epic of Hang Tuah* (2008: xi) terjemahan *Hikayat Hang Tuah* ke dalam bahasa Inggeris terbitan Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITBM) menegaskan:

"The Hikayat Hang Tuah, the Epic of Hang Tuah is the great narrative of the Malay Archipelago and has always inspired strong passions in its readers and audiences. The protagonist, Hang Tuah, is the nonpareil of culture heroes. Over the centuries he has helped Malays, Malaysians, Indonesians, Singaporeans, Southern Thais and Bruneians to define their social and moral ideals and given them pride in their national identity.

For many generations he has been the model for old and young alike. Young boys playing at sword or keris fighting called themselves Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, and Hang Lekiu. While the older men and women would debate his role in Malaccan history.

In short, while Hang Tuah has been present in the minds of the Malays for at least the last six centuries, he is still very much alive there today, as their symbol of self-sacrifice, achievement, patriotism and, not least, as the foremost symbol of their survival."

Henk M. J. Maier (2004: 127) daripada Leiden University, Belanda mengatakan antara lain, bahawa:

The text (Hikayat Hang Tuah) greatness now lies in the fact that it still deals with the meaning of life, and such it could easily be read as a very strong novel which is well able to compete with other novels in terms of depth and elegance. However, nobody on the Peninsula takes the trouble to read it. Instead of opening up the Tale and interpret it as yet another effort to understand the meaning of life, the Malays have put it away in the cupboard of heirlooms. An epik perhaps, but certainly not an epic.

Isu utama di sekitar watak Hang Tuah ialah apakah beliau wujud dalam sejarah, iaitu beliau bukan satu dongeng yang direka oleh sasterawan Melayu tradisional, kalau wujud, cara bagaimana membuktikan kewujudannya dalam sejarah.

Untuk membuktikan watak itu benar-benar wujud dalam sejarah, dokumen dan artifak yang berkaitan dengan watak itu yang boleh dipaparkan dengan jelas, mesti juga wujud. Artifak dan dokumen tempatan dan ataupun daripada luar negara, terutamanya yang bersifat primer mesti boleh dipaparkan dengan jelas. Sumber yang bersifat primer bermaksud sumber yang berkontemporari dengan watak itu. Bagi Hang Tuah, bahan yang berkontemporari dengan beliau ialah sumber dari China, Jepun, Portugis dan lain-lain yang sezaman dengan beliau. Oleh itu tulisan ini akan membincangkan data sejarah yang masih ada sehingga kini, iaitu tujuh catatan yang telah diterbitkan, tiga daripada alam Melayu manakala empat lagi daripada sumber asing. Satu sumber primer lagi ialah sebuah artifak yang berbentuk keris berlok sembilan tanpa hulu dan sarung yang telah dijumpai di Kepulauan Ryukyu Jepun di perkarangan Kuil Diraja Enkakuji Ryukyu berhampiran dengan Istana Shuriji abad ke-15.

Tulisan ini membuat kesimpulan dengan berdasarkan sumber primer yang dijumpai dan akan dianalisis dan dihuraikan nanti, bahawa Hang Tuah hidup dalam sejarah, iaitu antara 1431-1511.

Demi melakukan pembuktian itu, kaedah pembuktian kewujudan tokoh besar dunia dalam sejarah akan ditelusuri sebagai iktibar dan contoh teladan dalam usaha membuktikan kewujudan mereka, iaitu tokoh Alexander the Great, Julius Caesar, dan Laksamana Zheng He (Cheng Ho).

2

DOKUMEN DAN ARTIFAK SEBAGAI BUKTI KEWUJUDAN TOKOH UTAMA BARAT DAN TIMUR DALAM SEJARAH

In the seventh year of Yung-lo (1409), the emperor ordered the principal envoy, the Grand Eunuch Cheng Ho [Zheng He], and others to forward instructions and to bestow [upon the ruler] a pair of silver seals, a cap, girdle, and a robe. [Cheng Ho also] set up a stone tablet [stating that this] territory had been raised to [the rank of] the Country of Malacca. From then on Siam did not dare to disturb [Malacca].

(Xin Fei, 1996: 54-55)



Tokoh utama dunia yang wujud dalam sejarah yang akan diteliti dalam tulisan ini ialah Alexander the Great, Julius Caesar, dan Laksamana Zheng He (Cheng Ho). Untuk mengesahkan kewujudan dalam sejarah bagi ketiga-tiga watak itu, maka bukti yang dinamakan sebagai bukti primer perlu diperolehi dan dipaparkan dengan jelas tanpa sebarang keraguan.


Bukti primer bermaksud bahan dan/atau catatan tentang seseorang watak itu mesti terbukti wujud ataupun tercatat pada zaman watak itu hidup. Bukti itu boleh berbentuk artifak. Misalnya senjata, pakaian, bangunan, dan sebagainya, dan juga boleh berbentuk catatan bertulis sama ada oleh watak itu sendiri ataupun tertulis oleh orang lain pada zaman hidupnya watak itu. Berikut ini diperturunkan huraian tentang pembuktian tiga orang tokoh besar itu yang dianggap hidup dalam sejarah.

ALEXANDER THE GREAT

Alexander III dari Makedonia yang terkenal sebagai Alexander the Great (Greek: Ἀλέξανδρος ὁ Μέγας) disebut dalam sejarah lahir pada 356 Sebelum Masihi (SM), menaiki takhta kerajaan Yunani Purba Makedonia ketika berumur 20 tahun dan memenuhi zaman pemerintahannya dengan penaklukan ketenteraan yang terluas pada ketika itu, merangkumi benua Asia Barat dan juga Afrika Utara, sehingga ketika berumur 30 tahun beliau telah membina sebuah empayar yang terbesar pada zaman dunia purba itu menjangkau dari Greek hingga ke Mesir ke arah selatan dan sehingga ke India dan Parsi ke arah Timur. Baginda tidak pernah kalah dalam peperangan dan dianggap sebagai ketua angkatan perang yang paling berjaya dalam sejarah. Baginda meninggal dunia pada 323 SM ketika berumur 33 tahun.



Paleo Siberian Taiga Hunter - Gatherers



Rajah 1 Empayar Alexander the Great dari Greek ke Mesir di Selatan dan ke Parsi serta ke Utara India ke sebelah Timur (https://en.wikipedia.org/wiki/Alexander_the_Great)




Ada dua dokumen yang sezaman dengan kehidupan Alexander the Great yang dengan itu bersifat dokumen primer.

Dokumen utama yang sezaman dengan Alexander the Great ialah *The Babylonian Royal Astronomical Diary* yang tersimpan selama beberapa milenium, yang menyebut tentang hari kematian baginda yang meyakinkan ahli sejarah tentang tarikh sebenar riwayat hidupnya: "The King died, this is a day today which account the most important events befalling Babylonia". Berdasarkan catatan diari itu, ahli sejarah telah menetapkan bahawa Alexander the Great telah hidup dari 356 SM hingga 323 SM. (http://en.wikipedia.org/wiki/Alexander_the_Great)



Rajah 2 Alexander the Great (356-323 SM)
(http://en.wikipedia.org/wiki/Alexander_the_Great)



Rajah 3 *The Babylonian Royal Astronomical Diary* (sekitar 323–322 SM) merakamkan kematian Alexander (British Museum, London) (http://en.wikipedia.org/wiki/Alexander_the_Great)

Terdapat satu dokumen pentadbiran berkontemporari dengan Alexander tertulis dalam bahasa Aramaik dari Bactria sebuah wilayah Parsi yang ditakluk oleh Alexander kini terletak di Afghanistan, yang mencatat tentang waktu ketibaan Alexander di Bactria untuk mengejar pembunuh utama Darius III, iaitu Artaxerxes V atau Bessus.

Kedua-dua rujukan tentang Alexander daripada sumber berkontemporari dengannya yang bersifat primer, merupakan bukit sahah yang berwibawa yang tidak tersangkal lagi tentang kewujudan Alexander.


JULIUS CAESAR

Julius Caesar dilahirkan di Rom pada 100 SM, dan ketika zaman muda telah memasuki perkhidmatan tentera Rom dan berkhidmat di Asia dan Cilicia. Sesudah diktator Rom Silla meninggal, dia pulang ke Rom menceburkan diri dalam bidang politik Rom. Beliau telah memegang beberapa jawatan penting di bawah Pompey, seorang jeneral dalam tentera


Rom, dan seterusnya beliau dipilih sebagai konsul pada 60 SM dan menjadi gubernur Gauls dan Hispania pada 59 SM. Pada 55 SM dia cuba menakluki Britain dan pada 52 SM telah mengalahkan tentera gabungan suku kaum Gauls. Seterusnya beliau telah menewaskan Pompey yang telah menjadi musuh politiknya dan kemudian menguasai Rom. Pada 45 SM beliau dilantik oleh dewan Senat sebagai diktator Rom seumur hidup. Namun sikapnya yang angkuh dan bercita-cita besar dengan melakukan beberapa reformasi dalam pentadbiran Rom, antaranya membolot kuasa dan menghukum orang lain secara berleluasa tetapi mengecualikan diri sendiri, dan kuasa melantik secara bebas penyokongnya dalam dewan Senat, telah menimbulkan kebencian dan penentangan dalam kalangan pembesar yang lain yang mengkhawatiri Julius Caesar akan menghancurkan sistem Republik Rom. Akhirnya satu komplot untuk membunuhnya telah dirancang yang diketuai oleh Cassius dan anak angkatnya, Brutus. Pada 15 Mac 44 SM Julius Caesar telah ditikam sehingga mati oleh sekumpulan para komplot ketika memasuki dewan Senat.

Dokumen yang utama tentang kewujudan Julius Caesar ialah karya beliau sendiri, iaitu yang utama lapuan buah catatan tentang *Galic Wars* tertulis antara 58 SM–50 SM dan tiga catatan tentang *Civil Wars* tertulis antara 50 SM–47 SM.

Rajah 4 Patung Julius Caesar di Naples National Archaeological Museum (Julai 100 – Mac 44 SM) (http://en.wikipedia.org/wiki/Julius_Caesar)



Rajah 5 Manuskrip *De bello Gallico* di Muzium Amsterdam mengandungi tulisan Caesar tentang peperangan Gallic tertulis dalam tujuh buah buku antara 58 SM–52 SM (<http://www.livius.org/caa-can/caesar/caesar11.html>)



Rajah 6 Wang syiling imej Julius Caesar di belahan depan dan Dewi Venus di belahan belakang bertarikh 44 SM


Satu lagi sumber primer bagi Julius Caesar ialah wang syiling yang merupakan artifak yang sezaman dengan beliau bertarikh 44 SM. Berdasarkan dokumen primer tulisan Julius Caesar dan tulisan Hirtius, orang kanan Caesar, yang menulis sezaman dengan Caesar, iaitu *Bellum Alexandrinum* tentang peperangan di Iskandariah pada tahun 47 SM, *Bellum Africanum* tentang peperangan di Afrika 45 SM dan *Bellum Hispaniense* tentang peperangan di Hispanula pada 46 SM dan juga wang syiling dengan imej beliau bertarikh 44 SM, maka kewujudan Julius Caesar dalam sejarah antara 100 SM hingga 44 SM tidak dapat disangkal lagi. (<http://www.livius.org/caa-can/caesar/caesar11.html>).

LAKSAMANA ZHENG HE (CHENG HO)


Zheng He (1371–1433) atau Cheng Ho, seorang China berbangsa Muslim Hui merupakan seorang penjelajah, Laksamana, diplomat dan Ketua Eunuch kepada Maharaja Dinasti Ming, iaitu Maharaja Yongle. Beliau telah menjelajah dan menerokai pelayaran ke Asia Tenggara, Asia Selatan, Asia Tengah dan juga Afrika Timur dari 1405 hingga 1433. Penjelajahan laut ini lama dipinggirkan oleh sejarawan rasmi China, tetapi kemudiannya menjadi termasyhur di China dan di negara luar dengan penerbitan oleh Liang Qichao, *Biography of Our Homeland's Great Navigator* (Liang Qichao. "Zuguo Da Hanghajia Zheng He Zhuan") pada 1904. Sebuah "trilingual stele" peninggalan Zheng He telah dijumpai di Sri Lanka sesudah penerbitan buku itu.

Rajah 7 Monumen di Stadthuys, Melaka (http://en.wikipedia.org/wiki/Zheng_He)





Rajah 8 Patung Zheng He di Muzium Maritim Quanzhou (http://en.wikipedia.org/wiki/Zheng_He)



Rajah 9 Penjelajahan laut Laksamana Zheng He antara 1406-1433 (http://en.wikipedia.org/wiki/Zheng_He)



HANG TUAH

catatan OKINAWA

Pembongkaran tentang kewujudan Laksamana Hang Tuah semasa kegemilangan Empayar Melaka dihuraikan secara terperinci di dalam buku *Hang Tuah: Catatan Okinawa* ini. Pembuktian ini adalah hasil daripada kajian pengarang yang dijalankan di Okinawa dengan bantuan Kementerian Pendidikan Jepun. Catatan Empayar Ryukyu (Okinawa) dan penemuan arkeologi membuktikan bahawa Hang Tuah wujud. Hubungan diplomatik antara Empayar Melaka dengan Empayar Ryukyu jelas tercatat di dalam *Rekidai Hoan* - sebuah dokumen sejarah yang diperakui kesahihan oleh para sarjana. Dicatatkan juga bahawa Laksamana Hang Tuah adalah diplomat Empayar Melaka ke India, Turki dan Patani. Pengaruh dan kekuatannya diperakui pelbagai pihak seantero dunia.

Penerbitan ini tidak semata-mata bersandarkan buku *Hikayat Hang Tuah* dan sejarah tempatan, sebaliknya berdasarkan catatan sahih Empayar Ryukyu yang kini dikenali sebagai Okinawa.

